



Laporan Korporat

2012

Kami telah berjaya memenangi kepercayaan rakyat Malaysia selama 100 tahun menerusi kualiti dan ketulusan produk-produk kami, dengan melaksanakan janji jenama kami iaitu 'GOOD FOOD, GOOD LIFE' buat para pengguna kami.

100 taun Nestlé di sisimu.®

21 Okt 2011

Pelancaran Media Nestlé 100 Tahun

Carcosa Seri Negara, Kuala Lumpur

Nestlé Malaysia telah mengumumkan kehadirannya di Malaysia selama 100 tahun. Bertemakan "Nestlé di sisimu", sambutan ini dilancarkan dengan sebuah acara gilang-gemilang di Dataran Merdeka.



14 Jan 2012

Penajaan Muzikal Nestlé 100 Tahun

Dewan Filharmonik PETRONAS, Kuala Lumpur

Nestlé Malaysia telah menaja beberapa badan amal dan pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah terpilih untuk menikmati sebuah muzikal yang bertajuk 'Fairytales in Music' oleh Orkestra Filharmonik Malaysia, bersempena dengan sambutan 100 tahunnya.



18 Jan 2012

"Nestlé Walking Day"

Taman BU, Bandar Utama

Acara pertama 'Nestlé Walking Day' 2012 telah melibatkan 100 warga kerja Nestlé yang berjalan sebanyak 3,000 langkah di Central Park, Bandar Utama, demi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan cara hidup sihat dan sejahtera.



7 Mar 2012

Pelancaran Buku Nestlé 100 Tahun

Ibu Pejabat Nestlé, Menara Surian

Buku edisi terhad 100 Tahun Nestlé di sisimu telah dihasilkan dan dilancarkan sempena ulang tahun ke-100 Syarikat berada di Malaysia. Buku tersebut menceritakan kisah operasi Nestlé selama satu abad melalui pengalaman hidup para pengguna dengan Nestlé.



18 Mar 2012

Pelancaran Pameran Muzium 100 Tahun Nestlé

Muzium Negara, Kuala Lumpur

Pameran Muzium 100 Tahun Nestlé mempamerkan sejarah dan kisah Nestlé yang mula beroperasi 100 tahun yang lalu sebagai Anglo-Swiss Condensed Milk Company, di Pulau Pinang.



Berkongsi  
detik-detik  
mengagumkan  
selama  
100 tahun


18 Mar 2012

Pelancaran Rasmi Sambutan

100 Tahun Nestlé

Dataran Merdeka, Kuala Lumpur

Sambutan 100 Tahun Nestlé yang diadakan di Dataran Merdeka itu telah dilancarkan oleh Sultan Selangor, D. Y. M. M. Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, bersama-sama dengan Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé S.A., Encik Paul Bulcke, Naib Presiden Eksekutif Nestlé S.A. yang bertanggungjawab bagi Zon Asia, Oceania, Afrika dan Timur Tengah, Encik Nandu Nandkishore, Pengerusi Nestlé Malaysia, Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail, dan Pengarah Urusan Nestlé Malaysia, En. Peter Vogt.



14 April 2012

Penajaan Muzikal Nestlé 100 Tahun

Dewan Filharmonik PETRONAS, Kuala Lumpur

Nestlé Malaysia telah menaja beberapa badan amal dan pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah terpilih untuk menikmati dua buah muzikal klasik bertajuk - 'Peter and the Wolf & Babar the Elephant', yang diceritakan oleh pelawak terkenal Malaysia Harith Iskandar, serta diiringi oleh Orkestra Filharmonik Malaysia.

27 - 29 April 2012

Acara 'Nestlé Nourishing Malaysia'

Straits Quay, Pulau Pinang

Acara 'Nestlé Nourishing Malaysia' yang ke-7 telah diadakan di Pulau Pinang, di mana Nestlé telah memulakan operasinya. Acara tersebut adalah unik kerana ia telah mempamerkan kepada para pengunjung senario harian rakyat Malaysia yang pelbagai, serta menunjukkan aktiviti dan cara hidup sihat.



15 - 17 Jun 2012

Acara Supermeet 2012 Nestlé

Bukit Jalil, Kuala Lumpur

Acara yang telah diadakan di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil ini berobjektif untuk menguatkan semangat kerjasama antara warga kerja Syarikat. Kedua-dua pasukan dari pasaran Malaysia dan Singapura telah turut mengambil bahagian dalam acara tersebut.



15 Jul 2012

Acara Golf 100 Tahun Nestlé

Kuala Lumpur Golf & Country Club (KLGCC)

Nestlé Malaysia telah menganjurkan satu acara golf amal ekslusif di KLGCC untuk mengutip dana bagi 10 buah badan amal, sempena sambutan ulang tahun ke-100nya. Ia juga merupakan satu peluang bagi Syarikat untuk mengeratkan silaturahim bersama rakan korporat, pihak media, para pelanggan dan pembekal, serta agensi-agensi kerajaan.



24 Nov 2012

Majlis Makan Malam Gala 100 Tahun Nestlé

Pusat Konvensyen Kuala Lumpur

Warga kerja Nestlé telah menikmati malam penuh glamor di Majlis Makan Malam Gala 100 Tahunnya, yang telah diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, yang merangkumi persembahan oleh diva Malaysia, Sheila Majid dan juga Zainal Abidin. Ramai antara mereka berjaya membawa pulang hadiah hebat daripada cabutan bertuah.



## **Mesyuarat Agung Tahunan ke-29**

Clarke Ballroom, Le Méridien Kuala Lumpur,  
2, Jalan Stesen Sentral, Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur pada Khamis, 2 Mei 2013 pada 10.00 pagi.


## **Kandungan**

- 2** Prestasi Sepintas Lalu
- 6** Pesanan kepada Para Pemegang Saham
- 12** Ulasan Perniagaan
- 22** Erti Menjana Nilai Bersama bagi Kami
- 26** Data Korporat
- 27** Lembaga Pengarah
- 28** Profil Lembaga Pengarah
- 32** Kumpulan Pengurusan
- 34** Profil Kumpulan Pengurusan
- 36** Notis Mesyuarat Agung Tahunan  
Borang Proksi

# Prestasi Sepintas Lalu

- Perolehan tahunan sebanyak RM4.6 bilion, menunjukkan peningkatan sebanyak 7.3% atau RM310 juta berbanding tahun 2011
- Keuntungan sebelum cukai meningkat sebanyak 14.1% kepada RM638 juta dengan peningkatan margin sebanyak 80 mata asas
- Keuntungan sesaham meningkat sebanyak 18.3% kepada RM2.16
- Dividen yang dicadang dan diisythihar meningkat sebanyak 16.7% kepada RM2.10 sesaham
- Aliran tunai operasi meningkat dari RM582 juta kepada RM829 juta

**Perolehan** (RM'000)



Pada 1 Januari 2012, jumlah yang dibenarkan serta diskau didedahkan sebagai pemotongan jualan mengikut polisi Nestlé S. A., yang amalannya digunakan oleh syarikat-syarikat barang pengguna.

Bagi tujuan membuat perbandingan, nilai 2011 diubah untuk menunjukkan definisi perolehan baru.

**Peningkatan dalam  
Perolehan**

**+7.3%**

**Keuntungan Bersih**


**+18.3%**

**Aliran Tunai Operasi**

**+42.4%**



## Jumlah Jualan (%)



Tumpuan kepada Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan secara berterusan meningkatkan manfaat buat para pengguna dan menyebabkan perbezaan yang ketara di pasaran. Jualan Domestik meningkat sebanyak 9.7%, disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan sempena sambutan ulang tahun ke-100 Nestlé di Malaysia. Manakala, jualan Eksport meningkat sebanyak 0.8% pada tahun 2012, berikutan prestasi yang kukuh pada tahun 2011.

Kyle berterima kasih  
kerana mendapat  
secawan MILO yang  
panas dan lazat  
selepas terperangkap  
di dalam hujann.





Suatu hari, hujan mula turun dengan lebatnya menyebabkan saya pulang ke rumah dengan basah kuyup dari hujung kepala ke hujung kaki. Saya melihat ibu saya menanti dengan sehelai tuala dan secawan MILO panas. Ia sesuatu yang tidak akan saya lupakan. Kasih ibu ternyata satu kurniaan yang akan saya kenang selamanya.

# Mesej kepada Para Pemegang Saham

Perolehan sebanyak RM4.6 juta

**7.3%**

lebih tinggi berbanding  
tempoh sama tahun lalu

Keuntungan bersih sebanyak

**RM505.4  
juta**

dengan peningkatan margin  
sebanyak 100 mata asas

Pada 2012, kami menguatkuaskan inisiatif syarikat kami bergelar “We Make Nestlé”, yang bermatlamat untuk mengukuhkan nilai-nilai korporat kami dan memastikan pematuhan sepenuhnya kepada semua undang-undang dan peraturan luar serta piawaian dan garis panduan dalaman. Dalam setiap unit, juara-juara Pematuhan menyokong para pengurus dalam tugas mereka.

2012 merupakan tahun penting bagi Nestlé Malaysia kerana: kami menyambut tahun ke-100 sejak bermulanya operasi kami di Pulau Pinang pada 1912, dan kami juga telah mencatatkan satu lagi pertumbuhan dua angka dengan peningkatan kadar keuntungan. Selain itu, usaha kami dalam menjana nilai bersama untuk masyarakat mendapat pengiktirafan sewajarnya dengan Anugerah Platinum NACRA bagi laporan CSR terbaik, yang mencerminkan ketelusan laporan Menjana Nilai Bersama kami, yang telah disahkan dengan tahap A+, mengikuti piawaian Inisiatif Pelaporan Global (GRI).

## ULASAN PRESTASI

Ekonomi Malaysia kekal berdaya saing disamping ketidaktentuan ekonomi di peringkat global. Pada masa yang sama, Kumpulan berjaya mencatatkan perolehan sebanyak RM4.6 bilion, 7.3% lebih tinggi berbanding tempoh yang sama tahun lalu, dan kebanyakannya didorong oleh pertumbuhan pesat di peringkat domestik. Rangkaian jenama dan produk Kumpulan yang kukuh, serta pelaburan pemasaran bagi mewujudkan kesedaran mengenai sambutan seratus tahun kami telah menyumbang kepada jualan yang lebih tinggi dalam semua kategori produk - Konfeksi, Minuman Cecair, Tenusu Dingin dan Ais Krim, berjaya mencatatkan pertumbuhan dua digit yang teguh.

Kumpulan turut aktif membuat renovasi dan inovasi pada rangkaian produk sedia adanya, termasuklah pelancaran NESCAFÉ 3dalam1 Brown and Creamy, varian campuran MILO (Milo Kurang Manis, MILO Tinggi Serat, MILO Bijirin), MAGGI Mi Goreng baru dan dua varian tambahan NESTUM 3dalam1 dengan herba Cina. Produk-produk baru ini diterima dengan baik dalam pasaran dan ini telahpun membantu kami menjana pertumbuhan dan imej jenama dengan lebih baik lagi.

Bagaimanapun, situasi ekonomi global yang lebih lemah memberi kesan ke atas permintaan eksport yang mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan selepas prestasi yang teguh pada 2011.



Dari segi kos input, harga bahan mentah utama yang digunakan oleh Kumpulan tidak berubah begitu banyak pada tahun ini berbanding 2011, namun ianya kekal pada tahap tinggi dan terus memberi tekanan pada margin kami. Inisiatif penjimatan kos dalaman di bawah naungan program Kecemerlangan Berterusan Nestlé (NCE) telah meringankan tekanan kos sepanjang tahun ini.

Jumlah jualan yang kukuh digandingkan dengan kecekapan dalam operasi telah mendorong keuntungan sebelum cukai mencapai RM637.7 juta, dengan peningkatan margin dasar sebanyak 80 mata asas. Keuntungan bersih adalah sebanyak RM505.4 juta, dengan peningkatan margin sebanyak 100 mata asas.

#### TADBIR URUS KORPORAT

Sepanjang tahun ulasan ini, Lembaga Pengarah telah menyemak dan mengukuhkan pelbagai aspek Tadbir Urus Korporat. Sejak dengan saranan Bursa yang baru, kami akan memperkenalkan proses pengundian dalam Mesyuarat Agong Tahunan kami yang akan datang. Inisiatif syarikat kami yang digelar "We Make Nestlé", yang bermula pada 2011, bermatlamat untuk mengukuhkan nilai-nilai korporat kami dan memastikan pematuhan sepenuhnya kepada undang-undang dan peraturan luar serta piawaian dan garis panduan dalaman. Dalam setiap unit, juara-juara Pematuhan menyokong para pengurus dalam tugas mereka. Kami juga memperkenalkan satu talian luaran sulit bagi memudahkan laporan untuk sebarang isu ketidakpatuhan.

DARI KANAN:

**Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail**  
Pengerusi

**Peter Vogt**  
Pengarah Urusan

# Mesej kepada Para Pemegang Saham

## SAMBUTAN SERATUS TAHUN

2012 menandakan tahun ke-100 kami beroperasi di Malaysia dan bagi meraikan pencapaian ini, kami telah mengadakan pelbagai acara sepanjang tahun ini bagi menghargai para pengguna kami dan pihak berkepentingan lain atas sokongan mereka. Acara pelancaran utama Sambutan 100 Tahun Nestlé kami diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 18 Mac 2012. Acara ini diserikan dengan kehadiran Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, yang merasmikan pelancaran bersama-sama dengan Paul Bulcke, CEO Nestlé S.A., Nandu Nandkishore, Naib Presiden Eksekutif Nestlé S.A. (yang bertanggungjawab ke atas Zon Asia, Oceania, Afrika dan Timur Tengah) dan Ahli Lembaga Pengarah Nestlé Malaysia.

Aktiviti-aktiviti lain yang diadakan termasuklah Pameran 100 Tahun Nestlé di Muzium Negara dan Acara Nestlé Nourishing Malaysia Showcase di Penang, serta juga aktiviti-aktiviti promosi bagi para pengguna kami. Selain itu, kami juga telah melancarkan beberapa inisiatif Menjana Nilai Bersama (CSV) yang berkaitan dengan pemakanan dan alam sekitar.

**Sepanjang tahun ini, kami terus mengukuhkan asas pemakanan produk kami bagi mempromosikan pemakanan yang lebih baik dan gaya hidup sihat di kalangan rakyat Malaysia, serta melibatkan pihak berkepentingan utama bagi menangani isu Penyakit Tidak Berjangkit (NCD).**

## MENJANA NILAI BERSAMA

Falsafah perniagaan kami berasaskan konsep Menjana Nilai Bersama (CSV), yang menyatakan bahawa untuk berjaya buat masa jangka panjang, kami perlu menjana nilai bukan sahaja untuk para pemegang saham malah juga untuk masyarakat di mana kami beroperasi. Usaha kami ditumpukan kepada tiga bidang di mana kami mampu menyumbang iaitu Pemakanan, Air dan Pembangunan Luar Bandar.

Sepanjang tahun ini, kami terus mengukuhkan asas pemakanan produk kami bagi mempromosikan pemakanan yang lebih baik dan gaya hidup sihat di kalangan rakyat Malaysia, serta melibatkan pihak berkepentingan utama bagi menangani isu Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) lalu menyokong agenda Kementerian Kesihatan dalam menangani ancaman itu.

Untuk Pemakanan, kami baru melancarkan Program Cara Hidup Sihat, yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan Universiti Putra Malaysia (UPM), yang bermatlamat untuk meningkatkan pengetahuan dan amalan gaya hidup sihat di kalangan pelajar sekolah dari 100 buah sekolah beraras terpilih. Kami juga turut meneruskan program Nestlé Healthy Kids, kami, di mana 189 pelajar kini melalui tahun kedua dalam program tiga tahun tersebut.

Untuk Air, kami berjaya menanam lebih daripada 100,000 batang pokok di sepanjang Sungai Kinabatangan di Sabah, yang merupakan sebahagian daripada Nestlé Project RiLeaf, yang bermatlamat mewujudkan landskap di mana manusia, alam sekitar dan pertanian dapat hidup secara harmoni dalam keperluan mereka terhadap air.

Untuk Pembangunan Luar Bandar, kami telah menubuhkan Kelab Padi Nestlé (NPC) bagi mengurangkan kesan alam sekitar dalam penanaman padi dan pada masa yang sama, menambahkan pendapatan sebenar petani melalui peningkatan hasil.

Sesi Penglibatan Pihak Berkepentingan kami diadakan pada bulan Jun tahun ini, menumpukan pada penentangan NCD, selain peranan dan kerjasama antara sektor swasta, pihak kerajaan dan NGO. Ringkasan daripada inisiatif CSV kami boleh didapati dalam Laporan Ringkasan Menjana Nilai Bersama 2012 yang dilampirkan.

## ANUGERAH DAN PENGHARGAAN

Komitmen kami bagi Menjana Nilai Bersama diperakui dan diiktiraf oleh industri dan rakan sejawat kami dengan penganugerahan pelbagai anugerah dan pengiktirafan.

Pada tahun 2012, kami memenangi Anugerah Platinum untuk Laporan CSR di Anugerah NACRA bagi Laporan Menjana Nilai Bersama 2011 kami, yang telah diperakui oleh Bureau Veritas Certification Sdn Bhd yang mengesahkannya dengan tahap kadar A+ mengikuti piawaian Inisiatif Pelaporan Global (GRI). Anugerah ini adalah bukti komitmen kami bagi ketelusan dan urus tadbir, dan piawaian laporan tinggi yang kami tetapkan untuk kami sendiri.

## DIVIDEN

Berdasarkan prestasi teguh pada 2012, Lembaga Pengarah mengesyorkan dividen bersih muktamad sebanyak RM1.55 sesaham, memberikan jumlah dividen bersih yang dicadangkan dan diisyiharkan bagi tahun kewangan ini sebanyak RM2.10 sesaham, peningkatan 16.7% dari dividen tahun sebelumnya.

## PROSPEK UNTUK 2013

Kami kekal optimistik untuk tahun 2013 memandangkan jangkaan pertumbuhan KDNK sebanyak 5% untuk Malaysia oleh penganalisis. Tambahan lagi, kami percaya bahawa pihak kerajaan akan terus menyediakan sokongan melalui projek dan pembangunan projek, yang akan terus merangsang pendapatan pengguna. Kami juga menjangka bahawa harga komoditi akan stabil walaupun pada tahap tinggi.

Bagaimanapun, kami perlu berwaspada dan terus mengawasi ekonomi global dan kesannya pada kos dan pertumbuhan. Walaupun pertumbuhan domestik bagi rantau ASEAN dijangka bergantung pada kenaikan pasaran saham, ini menjadi petanda baik untuk pasaran domestik dan eksport di rantau ini, malah keimbangan tetap kekal pada beberapa isu di beberapa bahagian lain di dunia.

Di peringkat dalaman, kami akan terus meningkatkan kecekapan melalui program Kecemerlangan Berterusan Nestlé dan memanfaatkan inovasi dan renovasi bagi produk-produk kami. Sejajar dengan matlamat Kerajaan bagi membangunkan masyarakat yang sihat dan produktif, kami akan mempromosikan lagi pemakanan berkhasiat dan gaya hidup sihat selain melaksanakan usaha berterusan kami bagi menyediakan produk yang lebih sihat dan lebih lazat kepada pengguna.

Sambutan seratus tahun yang diadakan sepanjang 2012 adalah suatu kejayaan hebat, kami dapat menjalin hubungan yang lebih erat dengan para pengguna, pelanggan dan pihak berkepentingan melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Ini menyediakan platform untuk kami mara lebih jauh ke hadapan dan mengukuhkan komitmen kami kepada negara untuk tahun-tahun akan datang.

## PENGHARGAAN

Pada tahun ini, kami menyaksikan perubahan dalam pasukan Lembaga Pengarah dan Pengurusan. Detlef Krost, Pengarah Eksekutif Teknikal dan Pengeluaran dan ahli Lembaga Pengarah sejak 2009, dinaikkan pangkat menjadi Ketua Teknikal Zon Amerika bagi Kumpulan Nestlé. Kami mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada beliau atas sumbangan cemerlang beliau kepada pertumbuhan dan pembangunan Kumpulan sepanjang perkhidmatan beliau bersama kami.

Beliau diganti oleh Adnan Pawanteh, yang kini memegang jawatan Pengarah Eksekutif, Teknikal & Pengeluaran pada 1 Jun 2012 dan dilantik ke dalam Lembaga Pengarah berkuatkuasa pada 2 Julai 2012. Beliau kembali ke Nestlé Malaysia selepas berkhidmat sebagai Pengarah Teknikal di Nestlé Turki selama dua tahun. Kami mengalu-alukan kehadiran beliau dan kami yakin bahawa beliau akan terus membangunkan kepakaran dan meningkatkan prestasi Unit Teknikal.

Sebagai penutup, Lembaga Pengarah mengucapkan terima kasih kepada pasukan pengurusan dan semua kakitangan atas komitmen dan dedikasi mereka, kerana tanpa mereka, kecemerlangan berterusan Kumpulan tidak mungkin dapat dicapai.

**Jumlah dividen Bersih  
sebanyak**

**RM2.10**  
**sesaham meningkat**  
**16.7%**

**Inovasi dan renovasi  
yang berterusan  
merangsang  
pertumbuhan bagi  
tahun akan datang.**

Kami juga berterima kasih pada rakan kongsi, pengedar dan pelanggan kami kerana terus menyokong dan setia pada syarikat dan jenama kami. Akhir sekali, kami mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada jutaan pengguna Malaysia yang membeli produk kami setiap hari dan menjadi sebab untuk kejayaan syarikat kami.

**Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol  
Anwar Jamalullail**  
Pengerusi

**Peter Vogt**  
Pengarah Urusan



Kami mengalami kehidupan yang sukar ketika membesar kerana saya harus menyara keluarga yang besar. Tetapi ibu saya sentiasa membekalkan MAGGI untuk saya apabila saya perlu pergi belayar untuk beberapa bulan di lautan sebagai seorang jurutera kapal. MAGGI mengingatkan saya kepada rumah dan keluarga saya.



Billy seronok memancing bersama adiknya, dengan MAGGI cawan yang dibekalkan ibu mereka.

# Ulasan Perniagaan

Nestlé Malaysia menandakan kewujudannya selama seratus tahun di Malaysia dengan prestasi kewangan yang mantap, disokong oleh pertumbuhan berturut-turut yang memberangsangkan pada suku tahun. Keadaan ini dipacu oleh jualan domestik yang kukuh dengan beberapa kategori produk yang mencatatkan pertumbuhan dua angka yang membanggakan.

Ekonomi Malaysia kekal mantap walaupun berdepan dengan keadaan ekonomi global yang mencabar. Peningkatan pendapatan boleh guna serta bantuan mesra rakyat seperti skim BR1M membantu sentimen pengguna untuk terus positif dan merangsang permintaan domestik.

Sempena sambutan ulang tahun 100 tahun Syarikat, terdapat peningkatan yang ketara dalam aktiviti pemasaran dan promosi untuk menjana kesedaran serta melahirkan penghargaan Kumpulan terhadap para pengguna Malaysia. Reaksi pasaran terbukti sangat positif, lalu menghasilkan permintaan yang lebih tinggi untuk kebanyakan produk Nestlé.

Inovasi dan renovasi produk yang berterusan turut menjana permintaan sihat bagi varian baru, manakala promosi pemakanan berkhasiat serta gaya hidup sihat sejajar dengan matlamat kerajaan dalam mencipta masyarakat yang sihat dan produktif.

Sementara itu, jualan eksport yang menyumbang kepada hampir 25 peratus daripada perolehan Kumpulan, menyaksikan pertumbuhan yang lebih perlana pada tahun 2012 berikutan suasana ekonomi global yang lemah dan menjaskan permintaan daripada beberapa pelanggan gabungan.

Mujurlah, permintaan domestik yang kukuh terus memacu pertumbuhan, sekali gus menangani pengurangan dalam eksport. Perolehan Kumpulan berkembang sebanyak 7.3% bagi tahun ulasan.

Bagi menyokong peningkatan permintaan berasaskan domestik dan eksport untuk produk Nestlé berkualiti tinggi, pelaburan telah dilakukan bagi meningkatkan kecekapan dan merangsang tahap pengeluaran.

Nestlé Malaysia telah meraih tempat kedua dalam Anugerah Penyelesaian Perniagaan (*Business Solution Awards*) 2012 oleh Kumpulan Nestlé, bagi penyerahan '*A Perfect Flow with Zero Waste to Deliver What Consumers Value*'. Ia mengiktiraf daya pusing ganti yang cemerlang bagi Perniagaan Ais Krim, yang disokong oleh GLOBE, serta metodologi Kecemerlangan Berterusan Nestlé (Nestlé Continuous Excellence). Bertumpukan kepada menjana nikmat para pengguna dan pelanggan mereka menerusi produk

dan perkhidmatan yang berkualiti, bahagian Ais Krim Nestlé memulakan Rankaian Nilai (*Lean Value Stream*) pada tahun 2009 dengan menghapuskan aktiviti yang tidak menambahkan nilai dan sisa daripada pemerolehan, pengeluaran, rangkaian bekalan, pengedaran dan aliran nilai peruncitan.

Pada tahun 2012, satu latihan membabitkan Pembinaan Jenama Cara Nestlé telah dijalankan iaitu sebuah metodologi dan alat untuk membantu pasukan pemasaran dalam menyegerakan pembentukan kempen jenama yang kukuh dan penuh impak. Pasaran berjaya mengendalikan lebih daripada 100 latihan dan bengkel untuk semua pasukan pemasaran dan jualan di mana terbentuknya beberapa kempen yang berjaya seperti MILO 'Play More Learn More', NESCAFÉ 'Let's see what develops' dan MAGGI 'Happiness is Homemade'. Ini dapat dilihat dalam penambahbaikan pertumbuhan jenama, pertumbuhan jualan dan ekuiti jenama yang dipertingkatkan.

Di samping itu, Pasukan Jualan pula memberi tumpuan kepada '*Being Brilliant at the Basics*'. Ini melibatkan menambahbaik pemahaman di kalangan pelanggan dan pembeli, mencari kaedah lain untuk meraih pertumbuhan dalam saluran dagangan, mengukuhkan prestasi bagi kedua-dua pelanggan Moden dan Dagangan Umum kami, serta meningkatkan pengedaran dan pelaksanaan di kedai menerusi usaha-usaha seperti memberi kod GPS di semua kedai, mencipta makmal runcit,

Perolehan Kumpulan sebanyak  
**RM4.6** bilion  
meningkat sebanyak 7.3%.

27 program latihan dalam korporat membabitkan  
**1,589** warga kerja  
menerusi 94 sesi.

Nestlé berada pada kedudukan **ke-23** di negara di kalangan 100 majikan paling popular pilihan lepasan siswazah pada tahun 2012.

dan membangunkan konsep kedai yang sempurna. Pelaksanaan polisi baru 'Ullage' bagi para pengedar pada tahun 2012 telah menghasilkan kesegaran yang lebih baik dalam dagangan, menambahbaik paras stok dan pengurangan barang untuk dimusnahkan.

Prestasi Rangkaian Bekalan menunjukkan peningkatan pada tahun 2012 dengan peningkatan yang ketara pada tahap perkhidmatan buat para pelanggan kami. Ini dicapai dengan mengekalkan kawalan yang ketat terhadap inventori kami. Bahagian logistik fizikal turut menunjukkan kemajuan yang ketara dengan penambahan penggunaan trak di Malaysia Barat dan penghantaran produk ke Malaysia Timur dengan menggunakan kontena. Ini mengurangkan perbelanjaan boleh ubah bagi pengedar serta kesan kami terhadap alam sekitar, dari segi jumlah kilometer yang dilalui bagi setiap tan produk.

Kumpulan juga meneruskan program untuk para warga kerja. Sebanyak 27 kursus latihan dalaman Korporat disediakan buat warga kerja yang membabitkan 1,589 orang menerusi 94 sesi. Kumpulan terus terlibat dengan warga kerja dengan mengambil kira pendapat mereka menerusi kaji selidik '*Nestlé & I*', yang berjaya menyaksikan kadar penyertaan mantap sebanyak 98%.

Berikut maklum balas yang diterima, bidang yang memerlukan penambahbaikan telah dikenal pasti dan pelan tindakan juga telah dibentuk. Satu daripada pelan

tindakan yang dipersetujui daripada kaji selidik berkenaan adalah untuk memperkenalkan satu kursus Pengurusan Warga Kerja untuk pengurus barisan kami. Kursus tersebut membantu 218 pengurus barisan dalam menggunakan Prinsip-prinsip Pengurusan dan Kepimpinan Nestlé untuk meneraju pasukan masing-masing dengan lebih baik ke tahap prestasi yang lebih tinggi. Satu kaji selidik pemeriksaan latihan telah dijalankan selepas tempoh 3-6 bulan untuk semua peserta bagi mengesahkan hasil perubahan tingkah laku.

Kumpulan turut menunjukkan kemajuan yang baik dalam meningkatkan imejnya disebabkan oleh penambahan aktiviti dalam mempromosikan Nestlé sebagai Majikan Pilihan di kalangan universiti. Ia berada pada kedudukan ke-23 di negara ini di kalangan 100 majikan paling popular pilihan lepasan siswazah pada tahun 2012. Nestlé telah menyertai 18 pameran kerjaya di beberapa universiti di seluruh Malaysia, dan terlibat dengan komuniti kampus dan siswazah yang telah diberikan pandangan yang jelas mengenai Syarikat, serta peluang kerjaya dan pembangunan yang meluas di syarikat ini. Di samping itu, hasil daripada kehadiran jenama yang kukuh dalam penerbitan utama khusus yang mensasarkan golongan siswazah, Kumpulan berjaya mendapatkan pengambilan bakat muda terbaik untuk program utamanya seperti '*Intership for Undergraduates*' dan '*Management Trainee for Fresh Graduates*'.



Nestlé Malaysia menandakan kewujudannya selama seratus tahun dengan prestasi kewangan yang mantap, dipacu oleh jualan domestik yang kukuh dan pertumbuhan dua angka yang membanggakan daripada beberapa kategori produk. Perayaan 100 tahun tersebut menyaksikan peningkatan yang ketara dalam aktiviti pemasaran dan promosi untuk menjana kesedaran dan menyatakan penghargaan Kumpulan terhadap pengguna di Malaysia.

# KOPI & MINUMAN



**MILO sentiasa menjadi penyokong kuat dalam bidang sukan dan pada tahun 2012, ia menyokong dan menggalakkan budaya sukan, yang melibatkan lebih daripada 45,000 kanak-kanak di seluruh negara menerusi Kempen 'MILO Play More, Learn More.'**

## MILO

Ia merupakan suatu tahun yang menarik bagi MILO, yang telah bermula dengan pelancaran kempen pemakanan berkhasiat, bertujuan untuk mendidik golongan ibu mengenai manfaat MILO. Acara utama kempen tersebut merangkumi 10,000 ikrar daripada golongan ibu yang menyokong kempen ini dan pemberian 10,000 sarapan oleh MILO kepada sekolah-sekolah luar bandar yang terpilih. Kempen tersebut diterima dengan baik oleh para ibu bapa dan mendapat liputan yang meluas di dalam media.

MILO terus mendidik pembelajaran nilai kehidupan melalui sukan menerusi Kempen 'MILO Play More, Learn More'. Sebanyak 12 kem – yang melibatkan lebih daripada 45,000 kanak-kanak – telah dilaksanakan di seluruh negara, dengan sokongan daripada masyarakat menerusi persatuan penduduk tempatan.

MILO Malaysia turut memperkenalkan satu rangkaian baru iaitu rangkaian campuran MILO – MILO Bijirin (bersertakan emping bijirin), MILO Serat-Tinggi (bersertakan serat pemakanan bagi membantu mengekalkan sistem penghadaman) dan MILO Kurang Manis (bersertakan semua kebaikan MILO dan 47% kurang sukrosa berbanding campuran malt coklat yang lain) – yang menyediakan manfaat tambahan bagi memenuhi keperluan golongan muda bekerja yang mementingkan kesihatan dan mencari pilihan yang sihat dalam pemakanan sehari-hari mereka.

Untuk memberi pengguna lebih nilai lagi, MILO Sejuk telah diperkenalkan dalam pek nilai dengan 25 bungkus.



## NESCAFÉ

Tahun 2012 merupakan tahun inovasi dan rangsangan berterusan bagi NESCAFÉ dengan mulanya kempen komunikasi yang baru dan pelancaran produk baru bagi segmen khas kedai kopi.

Portfolio campuran NESCAFÉ diperluaskan lagi dengan memperkenalkan NESCAFÉ 'Brown & Creamy', bersama gula perang yang memberikannya rasa krim dan karamel, yang menarik perhatian golongan muda yang baru dengan minuman kopi.

Segmen kopi putih diperkuuhkan dengan pelancaran NESCAFÉ 'Ipoh White Coffee Hazelnut' dan NESCAFÉ 'Ipoh White Coffee Brown Sugar', bersama dengan pelancaran semula NESCAFÉ 'Ipoh White Coffee Original'.





NESCAFÉ Dolce Gusto pula telah melancarkan mesin barunya – ‘Genio’ and ‘Circolo Automatic’ – dan pada masa yang sama menggandakan rangkaian minuman gaya kafe dengan perisa ‘Grande Intenso’, ‘Chococino’, ‘Cappuccino Ice’ serta ‘Chai Tea Latte’ bagi memenuhi citarasa. Mesin tersebut berserta minuman dan aksesori kini boleh dibeli melalui kedai online pertama Nestlé Malaysia di [www.dolce-gusto.com.my](http://www.dolce-gusto.com.my).

Tahun 2012 adalah tahun inovasi dan rangsangan berterusan bagi NESCAFÉ dengan bermulanya kempen komunikasi yang baru dan pelancaran produk baru bagi segmen khas kedai kopi.



## MINUMAN CECAIR NESTLÉ

Perniagaan Minuman Cecair mencapai pertumbuhan atasan yang kukuh, keuntungan yang lebih tinggi dan memperoleh bahagian pasaran yang penting pada tahun 2012.

Ini disumbangkan oleh renovasi produk dengan pelancaran semula MILO UHT dan pelancaran NESCAFÉ UHT yang baru bagi menarik perhatian lebih ramai pengguna muda.

Dengan resipi yang dipertingkatkan, MILO UHT kini lebih lazat, berkrim dan lebih coklat untuk menggembirakan kanak-kanak berusia 7-12 tahun. Sementara itu, NESCAFÉ UHT dalam pek 200ml yang memperoleh bahagian pasaran yang penting daripada persaingan, bertujuan untuk menggembirakan peminum kopi baru yang lebih gemarkan susu dengan sedikit campuran kopi.

Dalam dunia sosial digital, golongan belia menemui sesuatu yang luar biasa dalam diri mereka menerusi Kempen Kehidupan baru NESCAFÉ, manakala Kempen ‘MILO Cans Next Games’ meneroka kreativiti mereka dengan mengundang mereka untuk memberi tafsiran semula terhadap masa hadapan sukan.

Sementara itu, MILO UHT, untuk tahun ketiga terus meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan mengitar semula karton kertas di kalangan rakyat Malaysia menerusi kerjasama dengan Tetra Pak, sekolah-sekolah, kedai-kedai runcit, pertubuhan-pertubuhan amal dan pihak berkepentingan yang lain.

Perniagaan Minuman Cecair mencapai pertumbuhan yang kukuh dan keuntungan yang lebih tinggi dengan pelancaran semula MILO UHT dan pelancaran NESCAFÉ UHT yang baru bagi menarik perhatian lebih ramai pengguna muda.




# PERNIAGAAN MAKANAN

Perniagaan Makanan terus mengekalkan pertumbuhan yang kukuh dipacu oleh kategori utamanya iaitu mi, stok, perasa dan sos, disokong oleh pelaburan dalam penglibatan pengguna dan renovasi.

Kempen ‘Me and My Maggi’ yang disokong oleh pelancaran pembungkusan baru berserta cadangan resipi mi, menggalakkan penyediaan mi MAGGI yang lazat dan seimbang dengan telur, daging dan sayur-sayuran. Pengguna turut digalakkan untuk berkongsi resipi unik mereka menerusi kempen digital.

Satu lagi acara utama bagi kempen mi adalah pengenalan MAGGI Mi Goreng Kari Ori – gabungan menarik MAGGI perasa Kari yang digemari ramai dalam bentuk mi kering – manakala rangkaian MAGGI Mi Goreng telah dilancarkan dalam bentuk cawan. Inisiatif ini telah meningkatkan kesetiaan pengguna kepada MAGGI, yang membolehkan jenama tersebut kekal sebagai peneraju pasaran.

Perniagaan Makanan terus mengekalkan pertumbuhan kukuh disokong oleh kategori utamanya yang dipacu oleh pelaburan dalam penglibatan pengguna dan renovasi.



Idea besar MAGGI - ‘Happiness is Homemade’ – terus diperkuuhkan menerusi komunikasi berterusan di sebalik kategori penyelesaian kulinari utama seperti perasa semua dalam satu MAGGI Cukuprasa, stok ‘bouillon’, Sos Cili dan Sos Tiram. MAGGI Cukuprasa mencatatkan pertumbuhan dua angka dan peningkatan pasaran yang meluas dengan pelancaran Pek 1 Ringgit. Komunikasi media, pensampelan dan acara memasak turut dipergiatkan dalam mempromosikan kebaikan masakan di rumah di kalangan wanita serta golongan muda.

# NESTLÉ PROFESSIONAL



Nestlé Professional mengiktiraf dan menghargai para pengusaha kedai kopi dengan menganjurkan suatu majlis bertajuk '*A Tribute to Malaysian coffee-shop, the Nation's heritage*'. Sokongan berterusan mereka kepada NESCAFÉ dan MILO telah menjadikan kedua-duanya minuman penting di Malaysia. Nestlé Professional juga menggalakkan gaya hidup yang lebih sihat dan lebih aktif menerusi Kempen MILO Kosong mereka.



Anugerah Nestlé Golden Chef Hat Ke-5 membantu untuk meningkatkan piawaian kulinari di kalangan golongan muda profesional, sepatimana terbukti dengan pemenang-pemenang pertandingan sebelumnya yang kini telah berjaya mengukir nama dalam industri ini.

Dalam perniagaan Makanan, pelancaran Sos MAGGI® Abalone yang baru diterima dengan baik oleh pengusaha restoran Cina di Malaysia. NESTUM juga dilancarkan di kedai kopi, bagi menambah penggunaan luar rumah untuk minuman menyihatkan ini, serta untuk restoran sebagai bahan utama dalam ciptaan menu mereka.



## TENUSU SEJUK



Tenusu Sejuk memperkenalkan satu lagi tahun perkembangan dengan peningkatan dua angka bagi kedua-dua yogurt dan minuman yogurt. Komunikasi jenama yang berkesan dan penglibatan para pembeli telah berjaya menerajui perkembangan kategori dan mengukuhkan kedudukan nombor satu Nestlé dalam kategori yogurt.

Nestlé kekal terbaik dalam kategori yogurt disebabkan komunikasi yang berkesan dan penglibatannya dengan para pengguna.

Komunikasi bagi Kempen Nestlé BLISS 'Looking Good From Within', yang bertumpu kepada rasa enak dan manfaat produk, ternyata berkesan dalam meraih pelanggan baru. 'Yogurt Nestlé Natural Set' menjana kesedaran jenama dan penggunaan yang lebih tinggi menerusi demonstrasi masakan di kedai dan cadangan resipi.

## KONFEKSI



Konfeksi mengekalkan pertumbuhan dua angka yang kukuh pada tahun 2012 dipacu oleh kedua-dua perniagaan domestik dan eksport langsung. KIT KAT mengukuhkan pimpinan pasaran dalam segmen barisan dan terus menjadi pemacu pertumbuhan.

KIT KAT terus berjaya dengan program komunikasi digital dan aktiviti di kedainya manakala NESTLÉ Wafer, yang disasarkan kepada pasaran besar-besaran, terus kekal dipacu oleh sokongan pemasaran yang kukuh dan peluasan pengedaran.

**Perniagaan domestik dan eksport langsung memberikan hasil pertumbuhan yang cemerlang bagi Konfeksi.**

## AIS KRIM

Tahun ulasan ini adalah tahun yang mengagumkan bagi segmen ais krim – dipacu oleh inovasi baru – yang meluaskan pasaran segmen ‘Impulse’.

Inovasi baru yang pertama di pasaran terus menjana nikmat pengguna dengan mencipta keseronokan bagi keseluruhan kategori ais krim.



Perkara penting tahun ini termasuk pelancaran ‘MAT KOOL Spiro’ dan ‘DRUMSTICK Rockin’ Hazelnut’. Inovasi baru ini adalah yang pertama di pasaran dan memenuhi komitmen kami untuk menjana nikmat pengguna dengan mencipta keseronokan untuk keseluruhan kategori ais krim.

# SUSU & BIJIRIN

Pertumbuhan NESTLÉ OMEGA PLUS yang memberangsangkan diteruskan menerusi kerjasama dengan rakan peruncitan untuk memacu kesedaran yang lebih tinggi berhubung kesihatan jantung. Satu cara yang lebih mudah untuk menguruskan tahap kolesterol juga diperkenalkan dengan pelancaran NESTLÉ OMEGA PLUS One.



Portfolio Bijirin Panas ditempatkan semula di bawah jenama NESTUM (untuk kedua-dua rangkaian campuran Bijiran Keluarga dan 3dalam1) dan label tersebut telah dilancarkan semula dengan reka bentuk yang lebih kontemporari. Rangkaian 3dalam1 yang baru kini menawarkan kebaikan seimbang bagi bijirin NESTUM dan kebaikan yang dikenal ramai bagi Perubatan Tradisional Asia – NESTUM 3dalam1 dengan ‘American Ginseng’ dan ‘Dang Gui’ – dengan kerjasama Eu Yan Sang, yang diiktiraf untuk kepakarannya dengan Perubatan Tradisional Asia.

NESTLÉ OMEGA PLUS terus berkembang dengan kerjasama dengan rakan-rakan runcit serta juga pengenalan satu cara yang lebih mudah untuk menguruskan tahap kolesterol dengan NESTLÉ OMEGA PLUS ONE



# MAKANAN KANAK-KANAK

Sempena perayaan seratus tahun Nestlé, Program Pendidikan NESTLÉ ‘Start Well Stay Well’ telah dijalankan untuk mendidik profesional Penjagaan Kesihatan di Malaysia dan para pengguna mengenai kepentingan khasiat pemakanan dalam 1,500 hari pertama kehidupan.

Satu simposium mengenai penyususan susu ibu turut dianjurkan oleh Institut Nutrisi Nestlé untuk berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik di kalangan profesional penjagaan kesihatan dalam menggalakkan penyusuan susu ibu.

Program Pendidikan NESTLÉ ‘Start Well Stay Well’ mendidik profesional Penjagaan Kesihatan di Malaysia dan para pengguna mengenai kepentingan khasiat pemakanan dalam 1,500 hari pertama kehidupan.



# PEMAKANAN PENJAGAAN KESIHATAN



Pertumbuhan dua angka yang kukuh telah dicapai hasil daripada platform produk Diabetes dan Penjagaan Kritis. NUTREN untuk Diabetik adalah penyumbang terbesar kepada perniagaan manakala PEPTAMEN adalah formula berkhasiat pilihan pertama bagi pesakit Unit Penjagaan Rapi.

Pemakanan Penjagaan Kesihatan akan terus merintis penyelesaian pemakanan berasaskan sains bagi memberikan penjagaan kesihatan peribadi yang dipertingkatkan untuk mereka yang mempunyai masalah perubatan.



Meluangkan masa dengan  
rakan baik menjadi lebih  
menarik dengan NESCAFÉ.

Peristiwa yang paling saya ingati semasa membesar di kampung halaman saya adalah mendengar pertandingan nyanyian Pujaan 10 NESCAFÉ di radio pada setiap pagi Ahad. Hari ini, saya dan rakan-rakan baik saya mengenang kembali saat-saat itu apabila kami bertemu semula.



Nestlé menyepadukan proses Pengoptimuman Enjin Carian (SEO) bagi memacu lebih banyak trafik ke laman web *Nestlé Healthy Kids* dan ini telah berjaya meningkatkan bilangan tontutan halaman –

# 182,896



**Model Menjana Nilai Bersama Nestlé**



# ERTI MENJANA NILAI BERSAMA BAGI KAMI

Menjana Nilai Bersama merupakan asas kepada budaya dan nilai kami, di samping prinsip yang memberikan motivasi untuk warga kerja kami. Perkaitannya dengan insiatif korporat, produk dan jenama kami menggesa kami untuk terus menerapkan strategi ini di sepanjang rangkaian nilai dan di seluruh operasi perniagaan.

Menjana Nilai Bersama (CSV) adalah pendekatan kami terhadap Tanggungjawab Sosial Korporat, yang dibina atas landasan bahawa untuk membolehkan perniagaan kami berjaya dalam jangka masa panjang, ia mestilah mengambil kira keperluan dua pihak berkepentingan utama secara serentak: masyarakat dimana kami beroperasi dan juga para pemegang saham kami. Perjalanan Nestlé bermula apabila Syarikat berdasarkan asas prinsip tanggungjawab sosial, setelah pengasas kami Henri Nestlé menghasilkan satu produk untuk seorang bayi yang tidak boleh menerima susu ibunya.

Hari ini, nilai-nilai yang serupa kekal menjadi sebahagian penting dalam cara kami menjalankan perniagaan, yang memberi tumpuan kepada aktiviti bidang khusus perniagaan utama Syarikat. Pendekatan ini melangkaui pematuhan dan kemampunan. Menerusi CSV, kami bermatlamat untuk menambah baik kehidupan masyarakat dan komuniti, memandangkan kemajuan kami bergantung kepada kejayaan mereka.



Kelab padi Nestlé (NPC) mempunyai seramai

## 289 petani

dan jumlah kawasan tanaman telah meningkat kepada 784 hektar, dengan hasil purata tuaian terakhir sebanyak 6.8 tan metrik bagi setiap hektar.

Pada tahun 2012, Nestlé Malaysia telah berjaya menanam lebih daripada

## 100,000 pokok

di sepanjang Sungai Kinabatangan di Sabah, sebagai sebahagian daripada Projek RiLeaf Nestlé.



CSV merupakan asas kepada budaya dan nilai kami, serta prinsip yang memberikan motivasi kepada warga kerja kami. Perkaitannya dengan insiatif korporat, produk dan jenama kami menggesa kami untuk terus menerapkan strategi ini di sepanjang rangkaian nilai dan di seluruh operasi perniagaan.

### TIGA BIDANG TUMPUAN KAMI DALAM CSV

Kami terus memberikan tumpuan kepada tiga bidang yang mempunyai potensi paling tinggi bagi pengoptimuman nilai bersama dengan masyarakat seperti yang digariskan dalam Laporan Tahunan kami tahun lalu, iaitu Pemakanan, Air dan Pembangunan Luar Bandar. Bidang-bidang tersebut, di samping menjadi cabaran penting masyarakat, juga adalah strategi dan operasi perniagaan global kami, asas kepada kelebihan kami yang kompetitif serta asas kepada matlamat keseluruhan perniagaan kami – “Untuk bergelar

peneraju terunggul dalam Makanan, Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, yang dipercayai oleh semua pihak berkepentingan.”

Pemakanan: kerana makanan dan khasiat pemakanan adalah asas kepada kesihatan, kepakaran kami dan merupakan asas bagi perniagaan kami

Air: kerana kualiti dan perolehannya yang berterusan penting kepada kehidupan, pengeluaran makanan dan operasi kami. Kemerosotan kualiti dan penyediaan air mengancam asas kehidupan dan merupakan satu daripada isu alam sekitar utama hari ini.

Pembangunan Luar Bandar: kerana kesejahteraan keseluruhan petani, masyarakat luar bandar, pekerja, peniaga kecil dan pembekal adalah asas kepada kemampunan perniagaan kami. Dengan menggabungkan CSV secara

kukuh dalam perniagaan kami, kami berupaya untuk melaksanakan inisiatif berorientasikan keputusan yang akan mencipta manfaat jangka panjang kepada masyarakat. Kami ingin mencipta masyarakat yang berkembang dan mampan, daripada menangani isu berkaitan kesihatan termasuk kekurangan zat, gaya hidup tidak aktif, penduduk di kalangan warga emas dan kenaikan kos kesihatan; kepada pertanian dan kemiskinan luar bandar; perubahan air, tenaga dan iklim.

Untuk maklumat lanjut berhubung inisiatif CSV kami, sila rujuk kepada Laporan Menjana Nilai Bersama 2012, yang boleh dimuat turun daripada laman web korporat kami: [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my). Maklumat lanjut mengenai CSV boleh juga didapati daripada:

- [www.nestle.com](http://www.nestle.com)
- [www.creatingsharedvalue.org](http://www.creatingsharedvalue.org)
- [www.community.nestle.com](http://www.community.nestle.com)



Ketika saya berada di kolej, seorang jejaka meninggalkan KIT KAT untuk saya dan di dalamnya, ada nota tertulis “Saya harap persahabatan kita menjadi cinta yang akan kekal selamanya...”

A close-up photograph of a young woman with dark hair tied back, wearing a light-colored button-down shirt. She is smiling and looking down at a piece of white paper she is holding in her hands. Her right hand is resting near her chin. In the bottom left corner of the frame, a red and white KitKat chocolate bar is visible on a surface. The background is slightly blurred, showing shelves with various products in what appears to be a supermarket or grocery store.

Shahira ceria membaca nota yang  
diselitkan dalam KIT KAT yang  
ditinggalkan oleh jejaka yang  
meminatinya.

# Data Korporat

## AHLI LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol  
 Anwar Jamalullail  
 Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
 Pengerusi Lembaga Pengarah  
 Pengerusi Jawatankuasa Audit  
 Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad  
 Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
 Ahli Jawatankuasa Audit  
 Ahli Jawatankuasa Imbuhan

Tan Sri Datuk [Dr.] Rafiah Binti Salim  
 Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
 Ahli Jawatankuasa Audit  
 Ahli Jawatankuasa Imbuhan

Tan Sri Datuk Yong Poh Kon  
 Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
 Ahli Jawatankuasa Pencalonan

Dato' Frits van Dijk  
 Pengarah Bukan Bebas, Bukan Eksekutif  
 Ahli Jawatankuasa Pencalonan  
 Ahli Jawatankuasa Imbuhan

Peter Vogt  
 Pengarah Urusan  
 Pengarah Gantian kepada Marc Seiler  
 [Meletak jawatan pada 21 Februari 2013]

Alois Hofbauer  
 Managing Director  
 Pengarah Gantian kepada Marc Seiler  
 [Dilantik pada 22 Februari 2013]

Marc Seiler  
 Pengarah Eksekutif  
 Pengarah Gantian kepada Peter Vogt  
 [sehingga 21 Februari 2013]  
 Pengarah Gantian kepada Alois Hofbauer  
 [dari 22 Februari 2013]

Detlef Krost  
 Pengarah Gantian kepada Dato' Frits van Dijk  
 [sehingga 29 Jun 2012]

Adnan Pawanteh  
 Pengarah Gantian kepada Dato' Frits van Dijk  
 [Dilantik pada 30 Jun 2012]

## JAWATANKUASA AUDIT

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol  
 Anwar Jamalullail  
 Pengerusi  
 Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad  
 Ahli

Tan Sri Datuk [Dr.] Rafiah Binti Salim  
 Ahli

## JAWATANKUASA PENCALONAN

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol  
 Anwar Jamalullail  
 Pengerusi

Tan Sri Datuk Yong Poh Kon  
 Ahli

Dato' Frits van Dijk  
 Ahli

## JAWATANKUASA IMBUHAN

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad  
 Pengerusi

Tan Sri Datuk [Dr.] Rafiah Binti Salim  
 Ahli

Dato' Frits van Dijk  
 Ahli

## SETIAUSAHA SYARIKAT

Mohd. Shah Bin Hashim [LS 0006824]  
 Tel : +603 7965 6000  
 Faks : +603 7962 7213  
 E-mel : MohdShah.Hashim@my.nestle.com

## PEJABAT BERDAFTAR

22-1, Tingkat 22 Menara Surian  
 No.1, Jalan PJU 7/3  
 Mutiara Damansara  
 47810 Petaling Jaya  
 Selangor Darul Ehsan

## LAMAN WEB SYARIKAT

[www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my)

## PENDAFTAR SAHAM

Tricor Investor Services Sdn. Bhd. [118401-V]  
 Aras 17, The Gardens North Tower  
 Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra  
 59200 Kuala Lumpur  
 Tel : +603 2264 3883  
 Faks: +603 2282 1886

## JURUAUDIT

KPMG [Firm No. AF 0758]  
 Aktauntan Bertauliah  
 Tingkat 10, KPMG Tower  
 8, First Avenue, Bandar Utama  
 47800 Petaling Jaya  
 Selangor Darul Ehsan  
 Tel : +603 7721 3388  
 Faks: +603 7721 3399

## BANK-BANK UTAMA




HSBC Bank Malaysia Berhad [127776-K]

## PENYENARAIAN BURSA SAHAM

Pasaran Utama  
 Bursa Malaysia Securities Berhad  
 [635998-W]

[Nota kepada Para Pemegang Saham: Kenyataan Tadbir Urus Korporat, Kenyataan Mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, Laporan Jawatankuasa Audit dan Terma-terma Rujukan Bagi Jawatankuasa Audit boleh didapati pada buku berasingan di dalam Laporan Tahun 2012 kami, bertajuk "Tadbir Urus Korporat dan Laporan Kewangan 2012".]

# Lembaga Pengarah



ATAS: Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail • Peter Vogt • Alois Hofbauer

TENGAH: Tan Sri Datuk Yong Poh Kon • Tan Sri Datuk [Dr.] Rafiah Binti Salim • Dato' Frits van Dijk

BAWAH: Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad • Marc Seiler • Adnan Pawanteh

# Profil Lembaga Pengarah



**Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail**

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Pengerusi Lembaga Pengarah  
Pengerusi Jawatankuasa Audit  
Pengerusi Jawatankuasa Imbuhan  
Warganegara Malaysia, berusia 61 tahun

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail telah dilantik sebagai pengarah Syarikat pada 25 Februari 2002 dan Pengerusi Lembaga Pengarah pada 16 April 2009. Tan Sri juga adalah Pengerusi Cahya Mata Sarawak Berhad, Lembaga Zakat Selangor, Media City dan Pulau Indah Ventures Sdn. Bhd., serta Canselor Kolej Universiti Segi.

Beliau tidak memegang sebarang saham dalam Syarikat, tiada konflik kepentingan dengan Kumpulan Syarikat, tiada kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan membabitkan Kumpulan Syarikat, tiada pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, melainkan kesalahan trafik, jika ada. Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail telah menghadiri kesemua 4 [empat] mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.



**Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad**

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Ahli Jawatankuasa Audit  
Pengerusi Jawatankuasa Imbuhan  
Warganegara Malaysia, berusia 62 tahun

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad telah dilantik sebagai pengarah Syarikat pada 1 Jun 2007. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Audit dan Pengerusi Jawatankuasa Imbuhan. Selain itu, beliau adalah Pengerusi Malaysian AgriFood Corp. Berhad, Cold Chain Network Sdn. Bhd. [anak syarikat Malaysian AgriFood Corp. Berhad] dan Pengerusi Biotropics Malaysia Berhad. Biotropics Malaysia Berhad adalah pemilik tunggal Phytes Biotech Sdn. Bhd., yang merupakan salah satu daripada pembekal bahan mentah kepada anak Syarikat. Walaubagaimanapun, Phytes Biotech Sdn. Bhd. berurusan dengan anak syarikat tersebut atas dasar sama rata dengan syarikat pembekal yang lain.

Beliau tidak memegang sebarang saham dalam Syarikat, tiada konflik kepentingan dengan Kumpulan Syarikat, tiada kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan membabitkan Kumpulan Syarikat, tiada pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, melainkan kesalahan trafik, jika ada. Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad telah menghadiri kesemua 4 [empat] mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.



## Tan Sri Datuk [Dr.] Rafiah Binti Salim

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Ahli Jawatankuasa Audit  
Ahli Jawatankuasa Imbuhan  
Warganegara Malaysia, berumur 66 tahun

Tan Sri Datuk [Dr.] Rafiah Binti Salim telah dilantik sebagai pengarah Syarikat pada 17 April 2009. Beliau juga adalah Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Imbuhan. Selain itu, beliau adalah Pengarah Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, Pengarah NAM Institute for the Empowerment of Women Malaysia, dan Pengerusi Malaysian Genomics Resource Centre Berhad. Tan Sri Datuk [Dr.] Rafiah juga adalah Pengarah Allianz Malaysia Bhd., Allianz Life Insurance Malaysia Bhd., dan Allianz General Insurance Company [Malaysia] Bhd.

Beliau tidak memegang sebarang saham dalam Syarikat, tiada konflik kepentingan dengan Kumpulan Syarikat, tiada kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan membabitkan Kumpulan Syarikat, tiada pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, melainkan kesalahan trafik, jika ada. Tan Sri Datuk [Dr.] Rafiah Binti Salim telah menghadiri kesemua 4 [empat] mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.

## Dato' Frits van Dijk

Pengarah Bukan Bebas, Bukan Eksekutif  
Ahli Jawatankuasa Pencalonan  
Ahli Jawatankuasa Imbuhan  
Warganegara Belanda, berumur 65 tahun

Dato' Frits van Dijk telah dilantik sebagai pengarah Syarikat pada 26 April 2006. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan. Beliau telah berkhidmat dengan Kumpulan Syarikat Nestlé dan memegang pelbagai jawatan kanan di dalam Pasaran Nestlé yang lain dalam tempoh 40 tahun yang lalu sebelum persaraannya daripada Kumpulan Nestlé pada akhir September 2011.

Beliau memegang 8,000 saham biasa dalam Syarikat. Beliau tiada konflik kepentingan dengan Kumpulan Syarikat, tiada kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan membabitkan Kumpulan Syarikat, tiada pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, melainkan kesalahan trafik, jika ada. Dato' Frits van Dijk telah menghadiri 3 [tiga] daripada 4 [empat] mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.

## Profile of Directors



### Tan Sri Datuk Yong Poh Kon

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Ahli Jawatankuasa Pencalonan  
Warganegara Malaysia, berumur 67 tahun

Tan Sri Datuk Yong Poh Kon telah dilantik sebagai pengarah Syarikat pada 25 April 2011. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Pencalonan. Beliau kini adalah Pengarah Urusan Royal Selangor International Sdn. Bhd., pengeluar dan pengeksport produk piuter, serta Fellow Akademi Sains dan Institut Pengurusan Malaysia.

Beliau tidak memegang sebarang saham dalam Syarikat, tiada konflik kepentingan dengan Kumpulan Syarikat, tiada kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan membabitkan Kumpulan Syarikat, tiada pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, melainkan kesalahan trafik, jika ada. Tan Sri Datuk Yong Poh Kon telah menghadiri kesemua 4 [empat] mesyuarat Lembaga Pengarah sejak pelantikannya bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.

### Peter Vogt

Pengarah Urusan  
[Meletak jawatan pada 21 Februari 2013]  
Warganegara Switzerland, berumur 58 tahun

Peter Vogt, Pengarah Urusan Syarikat, telah dilantik sebagai pengarah Syarikat pada 16 September 2009. Beliau telah berkhidmat dengan Kumpulan Syarikat Nestlé seluruh dunia selama lebih 30 tahun. Beliau telah memegang pelbagai jawatan kanan di Pasaran Nestlé yang lain, sebelum pelantikannya di Malaysia.

Beliau tidak memegang sebarang saham dalam Syarikat, tiada konflik kepentingan dengan Kumpulan Syarikat, tiada kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan membabitkan Kumpulan Syarikat, tiada pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, melainkan kesalahan trafik, jika ada. Peter Vogt telah menghadiri kesemua 4 [empat] mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.



### **Alois Hofbauer**

Pengarah Urusan  
[Dilantik pada 22 Februari 2013]  
Warganegara Austria, berumur 47 tahun

Alois Hofbauer menggantikan Peter Vogt sebagai Pengarah Urusan Syarikat dan telah dilantik sebagai pengarah Syarikat pada 22 Februari 2013. Beliau telah berkhidmat di dalam Kumpulan Syarikat Nestlé seluruh dunia selama lebih 20 tahun dan memegang pelbagai jawatan kanan di Pasaran Nestlé yang lain, sebelum pelantikannya di Malaysia.

Beliau tidak memegang sebarang saham dalam Syarikat, tiada konflik kepentingan dengan Kumpulan Syarikat, tiada kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan membabitkan Kumpulan Syarikat, tiada pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, melainkan kesalahan trafik, jika ada.



### **Marc Seiler**

Pengarah Eksekutif  
[Bertanggungjawab ke atas Kewangan & Kawalan]  
Warganegara Perancis, berumur 48 tahun

Marc Seiler, Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan Syarikat, telah dilantik sebagai pengarah syarikat pada 1 Disember 2008. Beliau menyertai Kumpulan Syarikat Nestlé pada tahun 1990 dan memegang pelbagai jawatan kanan di Pasaran Nestlé yang lain. Kini, beliau juga adalah Bendahari Swiss Malaysian Business Association.

Beliau tidak memegang sebarang saham dalam Syarikat, tiada konflik kepentingan dengan Kumpulan Syarikat, tiada kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan membabitkan Kumpulan Syarikat, tiada pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, melainkan kesalahan trafik, jika ada. Marc Seiler telah menghadiri kesemua 4 [empat] mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.



# Kumpulan Pengurusan



**BARISAN HADAPAN, DARI KIRI:**

Peter Vogt • Marc Seiler • Alois Hofbauer • Yap Yin Kee

**BARISAN BELAKANG, DARI KIRI:**

Adnan Pawanteh • Victor Seah • Detlef Krost • Zainun Nur Abdul Rauf  
• Mohamad Abu Bakar • Donald Howat • Chew Soi Ping  
• Ho Hau Chieh • Patrick Hartless

# Profil Kumpulan Pengurusan

## PETER VOGT

Pengarah Urusan

[Berpindah ke Nestlé S.A. berkuatkuasa pada 21 Februari 2013]

Peter Vogt, seorang warganegara Switzerland, memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan Nestlé [Malaysia] Berhad dan Ketua Rantau Nestlé Malaysia/Singapura sejak 2009. Seorang graduan Perakaunan & Kewangan dari Universiti St. Gallen, Switzerland, Peter Vogt memiliki lebih 30 tahun pengalaman pengurusan bersama Nestlé di seluruh dunia. Beliau adalah Ketua Bahagian Jualan dan Pemasaran Nestlé Malaysia dari tahun 1990 hingga 1994. Mulai tahun 1996 hingga 2005, beliau mengetuai pelbagai operasi Nestlé Eropah di Switzerland, Scandinavia dan Jerman sebelum kembali ke Asia sebagai CEO Nestlé Indonesia mulai 2005 hingga 2009. Beliau adalah Presiden Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (“MICCI”), ahli Swiss Malaysian Business Association dan ahli Majlis Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (“FMM”). Pada 21 Februari 2013, beliau meninggalkan Nestlé Malaysia untuk ke Nestlé S.A., bagi memegang jawatan Timbalan Eksekutif Naib Presiden, Ketua Sumber Manusia Kumpulan dan Pentadbiran Pusat.

## ALOIS HOFBAUER

Pengarah Urusan

[dilantik pada 1 Februari 2013]

Alois Hofbauer, seorang warganegara Austria, menggantikan Peter Vogt sebagai Pengarah Urusan Nestlé [Malaysia] Berhad dan Ketua Rantau Nestlé Malaysia/Singapura berkuatkuasa pada 1 Februari 2013. Beliau dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 22 Februari 2013. Seorang graduan Sekolah Perniagaan Switzerland IMD dan Universiti Innsbruck, Austria, kerjaya Alois Hofbauer bersama Nestlé bermula lebih 20 tahun lalu apabila beliau menyertai Nestlé Austria sebagai Pelatih Jualan dan Pemasaran. Hofbauer memiliki rekod kepimpinan yang kukuh dalam pengurusan negara dan pemahaman yang

mendalam berhubung perniagaan di Asia. Selama 20 tahun, beliau telah memegang pelbagai jawatan Pengurusan Kanan di rantau ini sebelum menjadi Pengarah Urusan Nestlé Taiwan dan seterusnya sebagai Pengarah Urusan Nestlé Sri Lanka pada tahun 2010.

## MARC SEILER

Pengarah Eksekutif, Sumber Manusia & Kumpulan

Marc Seiler, seorang warganegara Perancis, merupakan Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan Syarikat. Beliau telah dilantik sebagai pengarah Syarikat pada 1 Disember 2008. Marc Seiler merupakan graduan Ecole Supérieure de Commerce de Paris, Perancis dengan Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Pengurusan serta Diploma Perakaunan & Kewangan [Diplôme d’Etudes Supérieure Comptables et Financières]. Sebelum menyertai Nestlé, Marc Seiler adalah juruaudit luar di Coopers and Lybrand. Beliau menyertai kumpulan syarikat Nestlé pada tahun 1990 di bahagian Kewangan Nestlé Waters di Paris. Seterusnya, beliau dipindahkan ke Nestlé Waters, Amerika Utara di mana beliau memegang beberapa jawatan penting di Amerika Syarikat dan Kanada sebelum menyertai Syarikat. Marc Seiler kini adalah Bendahari Swiss Malaysian Business Association.

## ZAINUN NUR ABDUL RAUF

Pengarah Eksekutif, Sumber Manusia & Kumpulan Hal Ehwal Korporat  
[sehingga 31 Disember 2012]

Zainun Nur menyandang jawatan Pengarah Eksekutif, Sumber Manusia dan Kumpulan Hal Ehwal Korporat Syarikat sejak 1 Jun 2010. Beliau mula berkhidmat dengan Syarikat pada tahun 1998 sebagai Pengurus Jenama Kumpulan untuk Bijirin Sarapan Nestlé. Beliau kemudiannya berpindah ke unit perniagaan Food Services [kini dikenali sebagai Nestlé Professional], diikuti dengan Bahagian Perkhidmatan Pengguna. Pada tahun 2005, beliau berpindah semula ke Nestlé Professional sebagai Pengurus

Perniagaan Negara untuk Malaysia dan Singapura yang menguruskan makanan dan minuman di luar-rumah. Zainun Nur memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Institute of Marketing, United Kingdom. Mulai 1 Januari 2013, beliau dilantik untuk menjadi Pengarah Eksekutif Kumpulan Hal Ehwal Korporat.

## MOHAMAD ABU BAKAR

Pengarah Eksekutif Sumber Manusia

[dari 1 Januari 2013]

Mohamad Abu Bakar adalah Pengarah Eksekutif Sumber Manusia Syarikat mulai 1 Januari 2013. Mohamad memiliki lebih 30 tahun pengalaman dalam tugas dan perkhidmatan berkaitan Sumber Manusia. Sebelum ini beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Sumber Manusia Diethelm Holding [Malaysia] Bhd. dan Pfizer [(Malaysia) Sdn. Bhd./Pfizer Private Limited [Singapore]], dan kedudukan Pengurusan Atasan di Institusi Antarabangsa dan Kewangan yang lain, di mana beliau berjaya melaksanakan usaha awal dan beberapa inisiatif pengurusan perubahan HR dan Organisasi. Mohamad telah dianugerahkan Anugerah Kecemerlangan Pengurus Sumber Manusia Kebangsaan yang julung kali diadakan pada tahun 2000 di mana beliau berjaya melaksanakan beberapa inisiatif pengurusan perubahan HR

## CHEW SOI PING

Pengarah Eksekutif, Juara Pasaran NCE

Chew Soi Ping adalah Pengarah Eksekutif Juara Pasaran NCE bagi Malaysia/Singapura. Sebelum ini, beliau adalah Pengarah Eksekutif Unit Perniagaan Aiskrim. Beliau menyertai Syarikat pada tahun 1988 dan sejak 1996 sehingga 1998 beliau telah dihantar ke Switzerland sebagai Pembantu Serantau bagi Zon Asia, Oceania, Afrika dan Timur Tengah. Chew Soi Ping memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Central Arkansas, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pemasaran [Kepujian] dari Universiti Ozarks, Arkansas, Amerika Syarikat.

**PATRICK HARTLESS**

Pengarah Eksekutif, Rangkaian Bekalan

Patrick Hartless telah berkhidmat dengan Nestlé selama tujuh tahun dan kini Pengarah Eksekutif Rangkaian Bekalan. Sebelum tiba di Malaysia, Patrick Hartless berkhidmat dengan Nestlé UK di mana beliau adalah Ketua Rangkaian Bekalan bagi Bahagian Makanan & Minuman. Patrick Hartless memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari Universiti Loughborough, United Kingdom serta Ijazah Sarjana Sains dari Universiti Cranfield, United Kingdom.

**YAP YIN KEE**

Pengarah Eksekutif, Nestlé Professional

Yap Yin Kee adalah Pengarah Eksekutif Nestlé Professional, Malaysia dan Singapura sejak tahun 2010. Beliau menyertai Syarikat pada tahun 1994, di Unit Perniagaan Nestlé Professional. Pada tahun 2002, beliau dilantik sebagai Pengurus Vending dan kemudian menyandang jawatan Pengurus Perniagaan Minuman pada tahun 2008. Yap Yin Kee juga pernah terlibat dalam beberapa tugas luar negara untuk Nestlé Professional di Taiwan, Perancis dan Oceania [Australia & New Zealand]. Yap Yin Kee adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan [Kepujian Kelas Pertama] daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

**DETLEF KROST**

Pengarah Eksekutif, Teknikal &amp; Pengeluaran [sehingga 31 Mei 2012]

Detlef Krost adalah Pengarah Eksekutif, Teknikal & Pengeluaran sejak tahun 2009 dan telah dilantik ke Lembaga Syarikat pada tahun yang sama. Pakar Teknologi Makanan dengan ijazah dalam bidang kejuruteraan, beliau memulakan kerjayanya dengan Nestlé Jerman pada tahun 1984 dan pada tahun 1992 beliau menyertai Pasukan Produktiviti Nestlé di Switzerland. Pada tahun 1996, beliau memegang jawatan sebagai Pengurus Kilang di Jerman dan kemudian bergelar

Pengurus Kecemerlangan Perniagaan GLOBE bagi Teknikal, Pengeluaran dan R&D di Switzerland. Beliau telah dilantik sebagai Pengurus Teknikal bagi Nestlé Waters di Eropah pada tahun 2003, dan pada tahun 2007 menyandang jawatan sebagai Pengurus Teknikal Unit Perniagaan Strategik Coklat, Konfeksi & Biskut. Pada Jun 2012, Detlef Krost meninggalkan Nestlé Malaysia untuk berkhidmat di Nestec Ltd, Switzerland dengan menyandang jawatan sebagai Pengurus Teknikal Zon AMS

**ADNAN PAWANTEH**

Pengarah Eksekutif, Teknikal &amp; Pengeluaran (mulai 1 Jun 2012)

Adnan Pawanteh telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Teknikal & Pengeluaran pada 1 Jun 2012 untuk menggantikan Detlef Krost. Sebagai pemegang Ijazah Kejuruteraan dengan MBA dalam Pengurusan, beliau bermula sebagai Jurutera Pelatih di Nestlé Malaysia pada tahun 1984 dan selama 17 tahun, beliau memegang pelbagai jawatan dalam bidang teknikal. Beliau dipindahkan ke Nestlé Australia pada tahun 2001 di mana beliau memegang jawatan sebagai Penolong Pengurus Kilang sebelum pulang ke Malaysia pada tahun 2002 sebagai Pengurus Kilang Nestlé Shah Alam Kompleks. Pada tahun 2010, Adnan dipindahkan ke Nestlé Turki sebagai Pengarah Teknikal, sehingga akhir Mei 2012.

**VICTOR SEAH**

Pengarah Eksekutif, Jualan

Victor Seah adalah Pengarah Eksekutif, Jualan sejak 2008 dan telah berkhidmat dengan Syarikat selama 6 tahun. Sebelum menyertai Syarikat, beliau mempunyai pengalaman lebih 10 tahun di FMCG, Perkhidmatan Peruncitan dan Perundingan di Amerika Syarikat dan rantau Asia Pasifik. Victor Seah menghabiskan masa setahun di Singapura sebagai Pengurus Perniagaan Negara bagi perniagaan Perkhidmatan Makanan [kini dikenali sebagai Nestlé

Professional]. Victor Seah memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama Kewangan daripada Universiti Southern Illinois, Amerika Syarikat.

**DONALD HOWAT**

Pengarah Eksekutif, Kopi &amp; Minuman

Donald Howat, warganegara Britain, adalah Pengarah Eksekutif Unit Perniagaan Kopi & Minuman. Graduan pengajian Perniagaan daripada Universiti Manchester Metropolitan, Donald Howat telah berkhidmat dengan Nestlé selama lebih 20 tahun. Mulai tahun 2001 sehingga 2004, beliau adalah Pengarah Komersial Unit Perniagaan Strategik Kopi & Minuman dengan pasaran membangun di Asia, Eropah Timur dan Amerika Latin. Mulai tahun 2005 sehingga 2007, beliau bertanggungjawab ke atas Perniagaan Kopi & Minuman di Russia.

**HO HAU CHIEH**

Pengarah Eksekutif, Susu

Ho Hau Chieh berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif Unit Perniagaan Susu sejak 2009. Beliau menyertai Syarikat pada tahun 1999 sebagai Pengurus Jenama Konfeksi dan kemudian dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Operasi Jualan, Konfeksi pada tahun 2001. Pada tahun 2003, beliau dipindahkan ke Unit Perniagaan Susu sebagai Pengurus Jenama Kumpulan. Pada tahun 2005, beliau berkhidmat sebagai Pengurus Perniagaan Minuman Cecair Nestlé. Ho Hau Chieh adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi mengkhusus dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Malaya.

# Notis Mesyuarat Agung Tahunan

ADALAH DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA **Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-29 [Dua Puluh Sembilan]** akan diadakan di **Clarke Ballroom, Le Méridien Kuala Lumpur, 2, Jalan Stesen Sentral, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur** pada **hari Khamis, 2 Mei 2013** pada jam **10.00 pagi** untuk melaksanakan urusan-urusan berikut:

## AGENDA

### Sebagai Urusan Biasa

- Untuk menerima penyata-penyata kewangan statutori bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dan laporan-laporan pengarah serta juruaudit yang dilampirkan.

#### Resolusi 1

- Untuk meluluskan pembayaran dividen akhir sebanyak 155 sen sesaham, di bawah sistem dividen satu peringkat, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

#### Resolusi 2

- Untuk meluluskan pembayaran yuran-yuran pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

#### Resolusi 3

- Untuk melantik semula pengarah-pengarah berikut yang bersara mengikut Tataurusan Pertubuhan Syarikat:

#### 4.1 Di bawah Artikel 90.1

- [i] Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad

#### Resolusi 4

- [ii] Tan Sri Datuk [Dr.] Rafiah Binti Salim

#### Resolusi 5

#### 4.2 Di bawah Artikel 97

- Alois Hofbauer

#### Resolusi 6

- Untuk melantik semula Tetuan KPMG [No. Firma AF 0758] sebagai juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada pengarah-pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka. **Resolusi 7**

### Sebagai Perniagaan Khas

Untuk mempertimbangkan dan jika perlu, meluluskan Resolusi-Resolusi Biasa berikut:

- Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang-Pemegang Saham Untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang Berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 2.3A[a] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 9 April 2013.**  
"Bahawa mandat yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Syarikat pada 26 April 2012 mengikut perenggan 10.09 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, yang memberi kuasa kepada Syarikat dan/ atau anak-anak syarikatnya untuk menyertai urus niaga berulang pihak berkaitan yang berbentuk perolehan atau dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3A[a] dalam Surat Pekeliling

kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 9 April 2013 dengan pihak-pihak berkaitan seperti yang disebutkan, yang perlu bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya dan dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan dengan terma yang tidak boleh lebih berpihak kepada pihak-pihak berkaitan berbanding dengan terma yang biasa ditawarkan kepada umum serta tidak menjelaskan pemegang-pemegang saham minority, adalah diperbaharui.

Bahawa kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut adalah bermula dengan kelulusan resolusi ini dan terus dilaksanakan sehingga:-

- [i] tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan ["AGM"] Syarikat berikutnya AGM akan datang di mana mandat berkenaan telah diluluskan, pada ketika ia akan tamat, kecuali mandat berkenaan diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan pada AGM berikutnya;
- [ii] tamatnya tempoh AGM Syarikat berikutnya selepas AGM akan datang, perlu diadakan mengikut Seksyen 143[1] Akta Syarikat 1965 [tetapi tidak dilanjutkan sehingga lanjutan itu seperti yang dibenarkan mengikut Seksyen 143[2] Akta Syarikat 1965]; atau
- [iii] dibatalkan atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham dalam satu mesyuarat agung;

yang mana lebih awal;

Bahawa pengarah-pengarah diberi kuasa untuk menyempurnakan dan mengambil tindakan-tindakan [termasuk menguatkuasakan dokumen-dokumen yang diperlukan] untuk melaksanakan urus niaga yang dirancang dan/atau dibenarkan oleh resolusi ini.”

**Resolusi 8**

**7. Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang-pemegang Saham Untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3A[b] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham Bertarikh 9 April 2013.**

“Bahawa mandat yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Syarikat pada 26 April 2012 mengikut perenggan 10.09 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, yang memberi kuasa kepada Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya untuk menyertai urus niaga berulang pihak berkaitan yang berbentuk perolehan atau dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3A[b] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 9 April 2013 dengan pihak-pihak berkaitan seperti yang disebutkan, yang perlu bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya dan dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan dengan terma yang tidak boleh lebih berpihak kepada pihak-pihak berkaitan berbanding dengan terma biasa ditawarkan kepada umum serta tidak menjelaskan pemegang-pemegang saham minoriti, adalah diperbaharui.

Bahawa kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut adalah bermula dengan kelulusan resolusi ini dan terus dilaksanakan sehingga:-

- [i] tamatnya AGM Syarikat berikutan AGM akan datang di mana mandat berkenaan telah diluluskan, pada ketika ia akan tamat, kecuali mandat berkenaan diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan pada AGM berikutnya;
- [ii] [ii] tamatnya tempoh AGM Syarikat berikutnya selepas AGM akan datang, perlu diadakan mengikut Seksyen 143[1] Akta Syarikat 1965 [tetapi tidak melanjutkan sehingga lanjutan itu seperti yang dibenarkan mengikut Seksyen 143[2] Akta Syarikat 1965]; or
- [iii] dibatalkan atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham dalam satu mesyuarat agung;

yang mana lebih awal;

Bahawa pengarah-pengarah diberi kuasa untuk menyempurnakan dan mengambil tindakan-tindakan [termasuk menguatkuasakan dokumen-dokumen yang diperlukan] untuk melaksanakan urus niaga yang dirancang dan/atau dibenarkan oleh resolusi ini.”

**Resolusi 9**

**8. Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang-pemegang Saham Untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3A[c] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham Bertarikh 9 April 2013.**

“Bahawa mandat yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Syarikat pada 26 April 2012 mengikut perenggan 10.09 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, yang memberi kuasa kepada Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya untuk menyertai urus niaga berulang pihak berkaitan yang berbentuk perolehan atau dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3A[c] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 9 April 2013 dengan pihak-pihak berkaitan seperti yang disebutkan, yang perlu bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya dan dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan dengan terma yang tidak boleh lebih berpihak kepada pihak-pihak berkaitan berbanding dengan terma biasa ditawarkan kepada umum serta tidak menjelaskan pemegang-pemegang saham minoriti, adalah diperbaharui.

## Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Bahawa kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut adalah bermula dengan kelulusan resolusi ini dan terus dilaksanakan sehingga:-

- [i] tamatnya AGM Syarikat berikutnya AGM akan datang di mana mandat berkenaan telah diluluskan, pada ketika ia akan tamat, kecuali mandat berkenaan diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan pada AGM berikutnya;
- [ii] tamatnya tempoh AGM Syarikat berikutnya selepas AGM akan datang, perlu diadakan mengikut Seksyen 143[1] Akta Syarikat 1965 [tetapi tidak dilanjutkan sehingga lanjutan itu seperti yang dibenarkan mengikut Seksyen 143[2] Akta Syarikat 1965]; atau
- [iii] dibatalkan atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham dalam satu mesyuarat agung; yang mana lebih awal;

Bahawa pengarah-pengarah diberi kuasa untuk menyempurnakan dan mengambil tindakan-tindakan [termasuk menguatkuasakan dokumen-dokumen yang diperlukan] untuk melaksanakan urus niaga yang dirancang dan/atau dibenarkan oleh resolusi ini.”

**Resolusi 10**

9. **Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang-pemegang Saham untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3A[d] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham Bertarikh 9 April 2013.**  
“Bahawa mandat yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Syarikat pada 26 April 2012 mengikut perenggan 10.09 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, yang memberi kuasa kepada Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya untuk menyertai urus niaga berulang pihak berkaitan yang berbentuk perolehan atau dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3A[d] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 9 April 2013 dengan pihak-pihak berkaitan seperti yang disebutkan, yang perlu bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya dan dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan dengan terma yang tidak boleh lebih berpihak kepada pihak-pihak berkaitan berbanding dengan terma biasa ditawarkan kepada umum serta tidak menjelaskan pemegang-pemegang saham minoriti, adalah diperbaharui.

Bahawa kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut adalah bermula dengan kelulusan resolusi ini dan terus dilaksanakan sehingga:-

- [i] tamatnya AGM Syarikat berikutnya AGM akan datang di mana mandat berkenaan telah diluluskan, pada ketika ia akan tamat, kecuali mandat berkenaan diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan pada AGM berikutnya;
- [ii] tamatnya tempoh AGM Syarikat berikutnya selepas AGM akan datang, perlu diadakan mengikut Seksyen 143[1] Akta Syarikat 1965 [tetapi tidak dilanjutkan sehingga lanjutan itu seperti yang dibenarkan mengikut Seksyen 143[2] Akta Syarikat 1965]; or
- [iii] dibatalkan atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham dalam satu mesyuarat agung;

yang mana lebih awal;

Bahawa pengarah-pengarah diberi kuasa untuk menyempurnakan dan mengambil tindakan-tindakan [termasuk menguatkuasakan dokumen-dokumen yang diperlukan] untuk melaksanakan urus niaga yang dirancang dan/atau dibenarkan oleh resolusi ini.”

**Resolusi 11**

**10. Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang-pemegang Saham untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3A[e] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham Bertarikh 9 April 2013.**

“Bahawa mandat yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Syarikat pada 26 April 2012 mengikut perenggan 10.09 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, yang memberi kuasa kepada Syarikat dan/ atau anak-anak syarikatnya untuk menyertai urus niaga berulang pihak berkaitan yang berbentuk perolehan atau dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3A[e] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 9 April 2013 dengan pihak-pihak berkaitan seperti yang disebutkan, yang perlu bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya dan dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan dengan terma yang tidak boleh lebih berpihak kepada pihak-pihak berkaitan berbanding dengan terma biasa ditawarkan kepada umum serta tidak menjelaskan pemegang-pemegang saham minoriti, adalah diperbaharui.

Bahawa kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut adalah bermula dengan kelulusan resolusi ini dan terus dilaksanakan sehingga:-

- [i] tamatnya AGM Syarikat berikutan AGM akan datang di mana mandat berkenaan telah diluluskan, pada ketika ia akan tamat, kecuali mandat berkenaan diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan pada AGM berikutnya;
  - [ii] tamatnya tempoh AGM Syarikat berikutnya selepas AGM akan datang, perlu diadakan mengikut Seksyen 143[1] Akta Syarikat 1965 [tetapi tidak dilanjutkan sehingga lanjutan itu seperti yang dibenarkan mengikut Seksyen 143[2] Akta Syarikat 1965]; atau
  - [iii] dibatalkan atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham dalam satu mesyuarat agung; yang mana lebih awal;
- Bahawa pengarah-pengarah diberi kuasa untuk menyempurnakan dan mengambil tindakan-tindakan [termasuk menguatkuasakan dokumen-dokumen yang diperlukan] untuk melaksanakan urus niaga yang dirancang dan/atau dibenarkan oleh resolusi ini.”

#### **Resolusi 12**

**11. Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang-pemegang Saham untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3A[f] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham Bertarikh 9 April 2013.**

“Bahawa mandat yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Syarikat pada 26 April 2012 mengikut perenggan 10.09 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, yang memberi kuasa kepada Syarikat dan/ atau anak-anak syarikatnya untuk menyertai urus niaga berulang pihak berkaitan yang berbentuk perolehan atau dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3A[f] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 9 April 2013 dengan pihak-pihak berkaitan seperti yang disebutkan, yang perlu bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya dan dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan dengan terma yang tidak boleh lebih berpihak kepada pihak-pihak berkaitan berbanding dengan terma biasa ditawarkan kepada umum serta tidak menjelaskan pemegang-pemegang saham minoriti, adalah diperbaharui.

## Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Bahawa kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut adalah bermula dengan kelulusan resolusi ini dan terus dilaksanakan sehingga:-

- [i] tamatnya AGM Syarikat berikutnya AGM akan datang di mana mandat berkenaan telah diluluskan, pada ketika ia akan tamat, kecuali mandat berkenaan diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan pada AGM berikutnya;
- [ii] tamatnya tempoh AGM Syarikat berikutnya selepas AGM akan datang, perlu diadakan mengikut Seksyen 143[1] Akta Syarikat 1965 [tetapi tidak dilanjutkan sehingga lanjutan itu seperti yang dibenarkan mengikut Seksyen 143[2] Akta Syarikat 1965]; atau
- [iii] dibatalkan atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham dalam satu mesyuarat agung;

yang mana lebih awal;

Bahawa pengarah-pengarah diberi kuasa untuk menyempurnakan dan mengambil tindakan-tindakan [termasuk menguatkuasakan dokumen-dokumen yang diperlukan] untuk melaksanakan urus niaga yang dirancang dan/atau dibenarkan oleh resolusi ini.”

**Resolusi 13**

- 12. Cadangan Mandat Baru Pemegang-pemegang Saham Untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3A[g] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 9 April 2013.**
- “Bahawa Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya adalah diberi mandat untuk menyertai urus niagaberulang dengan pihak berkaitan yang berbentuk perolehan atau dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3A[g] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 9 April 2013 dengan pihak-pihak berkaitan seperti yang disebutkan, yang perlu bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya dan dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan dengan terma yang tidak boleh lebih berpihak kepada pihak-pihak berkaitan berbanding dengan terma biasa ditawarkan kepada umum serta tidak menjaskan pemegang-pemegang saham minoriti.

Bahawa kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut adalah bermula dengan kelulusan resolusi ini dan terus dilaksanakan sehingga:-

- [i] tamatnya AGM Syarikat berikutnya AGM akan datang di mana mandat berkenaan telah diluluskan, pada ketika ia akan tamat, kecuali mandat berkenaan diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan pada AGM berikutnya;
- [ii] tamatnya tempoh AGM Syarikat berikutnya selepas AGM akan datang, perlu diadakan mengikut Seksyen 143[1] Akta Syarikat 1965 [tetapi tidak dilanjutkan sehingga lanjutan itu seperti yang dibenarkan mengikut Seksyen 143[2] Akta Syarikat 1965]; atau
- [iii] dibatalkan atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham dalam satu mesyuarat agung;

yang mana lebih awal;

Bahawa pengarah-pengarah diberi kuasa untuk menyempurnakan dan mengambil tindakan-tindakan [termasuk menguatkuasakan dokumen-dokumen yang diperlukan] untuk melaksanakan urus niaga yang dirancang dan/atau dibenarkan oleh resolusi ini.”

**Resolusi 14**

### 13. Cadangan Pindaan ke atas Tataurusan Pertubuhan Syarikat

“BAHAWA pengubah, pengubahsuaian, penambahan atau pemotongan berikut ke atas Tataurusan Pertubuhan Syarikat diluluskan:-

No. Artikel-artikel yang Sedia Ada	No. Artikel-artikel yang Dicadangkan
54 Semua mesyuarat agung hendaklah diadakan pada masa, hari dan di tempat seperti yang ditetapkan oleh Pengarah-pengarah. Setiap notis mesyuarat agung tahunan hendaklah menyatakan mesyuarat seperti itu dan setiap mesyuarat yang diadakan untuk meluluskan resolusi khas hendaklah menyatakan niat untuk mencadangkan ketetapan itu sebagai suatu ketetapan khas.	54 Semua mesyuarat agung hendaklah diadakan pada masa, hari dan di tempat seperti yang ditetapkan oleh Pengarah-pengarah. Setiap notis mesyuarat agung tahunan mesti menetapkan bahawa mesyuarat seperti itu dan setiap mesyuarat yang diadakan untuk meluluskan resolusi khas hendaklah menyatakan niat untuk mencadangkan ketetapan itu sebagai suatu ketetapan khas. <b>Mesyuarat bersama ahli-ahlinya berkenaan boleh diadakan di dalam Malaysia di lebih daripada satu tempat menggunakan sebarang teknologi yang membolehkan semua ahli mempunyai peluang yang munasabah untuk mengambil bahagian.</b>
72 Jika pengundian adalah sewajarnya dituntut, ia hendaklah dibuat mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Pengerusi [termasuk pembuangan undi atau kertas atau tiket undian] dan keputusan undian hendaklah menjadi resolusi bagi mesyuarat di mana undian itu dituntut. Pengerusi boleh [dan jika diarahkan oleh mesyuarat hendaklah] melantik pengawas bagi tujuan pengundian, dan boleh menangguhkan mesyuarat ke suatu tempat dan masa yang beliau tetapkan bagi tujuan mengisyiharkan keputusan undian.	72 Jika pengundian adalah sewajarnya dituntut, ia hendaklah dibuat mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Pengerusi [termasuk pembuangan undi atau kertas atau tiket undian atau secara elektronik menggunakan pelbagai bentuk peranti undian elektronik] dan keputusan undian hendaklah menjadi resolusi bagi mesyuarat di mana undian itu dituntut. Pengerusi boleh [dan jika diarahkan oleh mesyuarat hendaklah] melantik pengawas untuk mengesahkan undian yang hendaklah dikira oleh pentadbir undian bagi tujuan pengundian, dan boleh menangguhkan mesyuarat ke suatu tempat dan masa yang beliau tetapkan bagi tujuan mengisyiharkan keputusan undian.

## Notis Mesyuarat Agung Tahunan

**ADALAH DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA**, tertakluk kepada kelulusan daripada pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-29 [Dua Puluh Sembilan] Syarikat, dividen akhir sebanyak 155 sen sesaham, di bawah sistem dividen satu peringkat, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 akan dibayar kepada pemegang-pemegang saham pada 13 Jun 2013. Tarikh kelayakan bagi dividen tersebut adalah pada 23 Mei 2013.

**SELANJUTNYA ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA** seorang pendeposit layak untuk mendapatkan kelayakan hanya berhubung dengan:

- A. Saham yang dipindahkan ke Akaun Sekuriti Pendeposit sebelum jam 4.00 petang pada 23 Mei 2013 bagi perpindahan biasa; dan
- B. Saham yang dibeli menerusi Bursa Malaysia Securities Berhad berdasarkan kelayakan mengikut peraturan-peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

**MOHD. SHAH BIN HASHIM**

Setiausaha Syarikat  
[LS 0006824]

Petaling Jaya  
9 April 2013

**NOTA:**

- [i] Seseorang ahli Syarikat yang layak untuk menghadiri dan mengundi pada mesyuarat itu adalah layak melantik seorang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak dirinya. Seorang proksi boleh, tetapi tidak semestinya, terdiri daripada ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149[1][b] Akta Syarikat 1965,tidak akan dikenakan ke atas Syarikat.
- [ii] Suratcara untuk melantik proksi mestilah secara bertulis oleh orang yang melantik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis atau jika yang melantik adalah suatu perbadanan, sama ada dimeterai dengan cop syarikat atau dengan ditandatangani oleh pegawai atau wakil yang diberi kuasa.
- [iii] Di mana seorang ahli Syarikat adalah penama yang diberi kuasa seperti ditakrifkan di bawah Akta Depositori Pusat, beliau boleh melantik tidak lebih daripada dua [2] proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat pada jumlah yang sama seperti Akaun Sekuriti berkenaan. Di mana seorang ahli Syarikat adalah penama yang diberi kuasa yang dikecualikan, yang memegang saham biasa di dalam Syarikat untuk beberapa pemilik berfaedah di dalam satu [1] Akaun Sekuriti ("Akaun Pelbagai"), tiada had bagi jumlah proksi di mana penama yang diberi kuasa yang dikecualikan boleh melantik bagi setiap akaun pelbagai yang dipegangnya.  
Di mana seorang penama yang diberi kuasa melantik dua [2] proksi, atau di mana seorang penama yang diberi kuasa yang dikecualikan melantik dua [2] atau lebih proksi, pembahagian saham yang diwakili oleh setiap proksi harus ditetapkan di dalam suratcara untuk melantik proksi.
- [iv] Penama yang diberi kuasa yang mempunyai lebih daripada 1 [satu] Akaun Sekuriti mesti menyerahkan suratcara proksi yang berasingan untuk setiap Akaun Sekuriti.
- [v] Suratcara melantik proksi dan surat kuasa atau kuasa-kuasa lain [jika ada] di bawah mana ia ditandatangani atau salinan surat kuasa berkenaan yang disahkan secara notari, hendaklah diserahkan kepada Pendaftar Saham Syarikat di Tricor Investor Services Sdn. Bhd. [No. Syarikat 118401-V] Tingkat 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia, tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat atau mesyuarat yang ditangguhkan di mana orang yang dinamakan di dalam suratcara bercadang untuk mengundi. atau dalam kes membuat undi, tidak kurang daripada 24 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk membuat undian, dan jika gagal, suratcara proksi akan dianggap tidak sah.
- [vi] Bagi sekuriti yang disimpan, hanya ahli-ahli yang namanya muncul di dalam Rekod Pendeposit pada 24 April 2013 akan diberi hak untuk menghadiri, bersuara dan mengundi di mesyuarat agung.

**Nota Penjelasan untuk Urusan Khas:-****Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan**

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 9 April 2013 yang dilampirkan bersama Laporan Tahunan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir

31 Disember 2012.

**Cadangan Pindaan ke atas Tataurusana Pertubuhan Syarikat**

Cadangan pindaan akan membolehkan Syarikat untuk mengadakan mesyuarat agung di lebih daripada satu tempat dengan menggunakan teknologi elektronik dan membolehkan pengundian dilakukan melalui kaedah elektronik.



No. of shares held	
CDS Account No.	

# Proxy Form

I / We \_\_\_\_\_ NRIC No: \_\_\_\_\_ [New] \_\_\_\_\_ [Old]  
of \_\_\_\_\_  
being a member of **Nestlé [Malaysia] Berhad**, hereby appoint \*the Chairman of the meeting or \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
NRIC No: \_\_\_\_\_ [New] \_\_\_\_\_ [Old]  
of \_\_\_\_\_  
or failing him/her, \_\_\_\_\_ NRIC No: \_\_\_\_\_ [New] \_\_\_\_\_ [Old]  
of \_\_\_\_\_

as my/our proxy to vote for me/us on my/our behalf at the 29<sup>th</sup> [Twenty-Ninth] Annual General Meeting of the Company to be held at the Clarke Ballroom, Le Méridien Kuala Lumpur, 2, Jalan Stesen Sentral, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur on Thursday, 2 May 2013 at 10.00 a.m. and at any adjournment thereof.

\* Delete if not applicable

My/Our proxy is to vote as indicated with an "X" below. If no specific direction as to voting is given, the proxy will vote or abstain from voting at his discretion.

<b>No.</b>	<b>Resolutions</b>	<b>For</b>	<b>Against</b>
1.	To receive the statutory financial statements for the financial year ended 31 December 2012 and the directors' and auditors' reports thereon.		
2.	To approve the payment of a final dividend of 155 sen per share, under a single-tier system, in respect of the financial year ended 31 December 2012.		
3.	To approve the payment of directors' fees for the financial year ended 31 December 2012.		
4.	To re-elect Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad as a director of the Company.		
5.	To re-elect Tan Sri Datuk [Dr.] Rafiah Binti Salim as a director of the Company.		
6.	To re-elect Alois Hofbauer as a director of the Company.		
7.	To re-appoint Messrs KPMG [Firm No. AF 0758] as auditors of the Company and to authorise the directors to fix their remuneration.		
8.	Proposed Renewal of Shareholders' Mandate for Recurrent Related Party Transactions of a Revenue or Trading Nature as set out under Section 2.3A[a] of the Circular to Shareholders dated 9 April 2013.		
9.	Proposed Renewal of Shareholders' Mandate for Recurrent Related Party Transactions of a Revenue or Trading Nature as set out under Section 2.3A[b] of the Circular to Shareholders dated 9 April 2013.		
10.	Proposed Renewal of Shareholders' Mandate for Recurrent Related Party Transactions of a Revenue or Trading Nature as set out under Section 2.3A[c] of the Circular to Shareholders dated 9 April 2013.		
11.	Proposed Renewal of Shareholders' Mandate for Recurrent Related Party Transactions of a Revenue or Trading Nature as set out under Section 2.3A[d] of the Circular to Shareholders dated 9 April 2013.		
12.	Proposed Renewal of Shareholders' Mandate for Recurrent Related Party Transactions of a Revenue or Trading Nature as set out under Section 2.3A[e] of the Circular to Shareholders dated 9 April 2013.		
13.	Proposed Renewal of Shareholders' Mandate for Recurrent Related Party Transactions of a Revenue or Trading Nature as set out under Section 2.3A[f] of the Circular to Shareholders dated 9 April 2013.		
14.	Proposed New Shareholders' Mandate for Recurrent Related Party Transactions of a Revenue or Trading Nature as set out under Section 2.3A[g] of the Circular to Shareholders dated 9 April 2013.		
15.	Proposed Amendments to the Company's Articles of Association		

Dated this \_\_\_\_\_ day of \_\_\_\_\_ 2013

Witnessed by: \_\_\_\_\_

Signature: \_\_\_\_\_

Address: \_\_\_\_\_

Company Stamp: \_\_\_\_\_

Occupation: \_\_\_\_\_

Signature of Shareholder or Common Seal

- Notes:**
- [i] A member of the Company entitled to attend and vote at the meeting is entitled to appoint a proxy to attend and vote instead of him. A proxy may, but need not be, a member of the Company and the provision of Section 149(1)(b) of the Companies Act 1965, shall not apply to the Company.
  - [ii] Where a member of the Company is an authorised nominee as defined under the Central Depositories Act, it may appoint not more than two [2] proxies in respect of each Securities Account it holds with ordinary shares of the Company standing to the credit of the said Securities Account. Where a member of the Company is an exempt authorised nominee which holds ordinary shares in the Company for multiple beneficial owners in one [1] securities account ("omnibus account"), there is no limit to the number of proxies which the exempt authorised nominee may appoint in respect of each omnibus account it holds. Where an authorized nominee appoints two [2] proxies, or where an exempt authorized nominee appoints two [2] or more proxies, the proportion of shareholdings to be represented by each proxy must be specified in the instrument appointing the proxies.
  - [iii] Where a member of the Company is an authorised nominee as defined under the Central Depositories Act, it may appoint not more than two [2] proxies in respect of each Securities Account it holds with ordinary shares of the Company standing to the credit of the said Securities Account. Where a member of the Company is an exempt authorised nominee which holds

ordinary shares in the Company for multiple beneficial owners in one [1] securities account ("omnibus account"), there is no limit to the number of proxies which the exempt authorised nominee may appoint in respect of each omnibus account it holds. Where an authorized nominee appoints two [2] proxies, or where an exempt authorized nominee appoints two [2] or more proxies, the proportion of shareholdings to be represented by each proxy must be specified in the instrument appointing the proxies.

[iv] An authorised nominee or an exempt authorised nominee with more than 1 [one] securities account must submit a separate instrument of proxy for each securities account.

[v] The instrument appointing a proxy and the power of attorney or other authority [if any] under which it is signed or a notarially certified copy of such power or authority shall be deposited at the Share Registrar of the Company at Tricor Investor Services Sdn. Bhd. [Company No. 118401-V] Level 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia, not less than 48 hours before the time appointed for holding the meeting or adjourned meeting at which the person named in the instrument proposed to vote, or in the case of a poll, not less than 24 hours before the time appointed for the taking of the poll, and in default the instrument of proxy shall not be treated as valid.

[vi] In respect of deposited securities, only members whose names appear in the Record of Depositors on 24 April 2013 shall be entitled to attend, speak and vote at the general meeting.

Please fold here to seal

Affix postage  
stamp

Tricor Investor Services Sdn. Bhd. [Company No. 118401-V]  
Level 17, The Gardens North Tower  
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur

Please fold here to seal

**100**<sup>ta</sup><sub>hun</sub>  
**Nestlé**  
di sisimu.®

**Nestlé (Malaysia) Berhad** (110925-W)

22-1, Tingkat 22, Menara Surian

No. 1, Jalan PJU 7/3

Mutiara Damansara

47810 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

Tel: (+603) 7965 6000

Faks: (+603) 7965 6767

Talian Percuma Khidmat Pelangga Nestlé: 1-800-88-3433

Facebook: <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

[www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my)